**KENYATAAN MEDIA**
**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (1 DISEMBER 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menegaskan bahawa Parlimen mempunyai peranan yang penting dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Oleh yang demikian, SUHAKAM ingin menyatakan sokongan kepada Ahli Parlimen yang mengetengahkan isu-isu yang memberi kesan kepada hak rakyat Malaysia termasuk apa jua yang memberikan impak kepada keberkesanan SUHAKAM dalam menjalankan fungsinya.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen mengenai peruntukan belanjawan SUHAKAM semasa sidang Parlimen pada 22 November 2021, SUHAKAM mengulangi seruannya kepada Kerajaan untuk memastikan agar SUHAKAM menerima peruntukan yang mencukupi dan diberikan dengan kuasa-kuasa yang perlu untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia secara selamat, bebas dan efektif. Baru-baru ini SUHAKAM telah menjalani proses reakreditasi oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI), di mana SCA mengingatkan bahawa dana yang mencukupi seharusnya pada tahap yang munasabah, dapat memastikan penambahbaikan operasi institusi secara beransur-ansur dan progresif serta membolehkan ia memenuhi mandatnya. Turut dinyatakan bahawa NHRI yang telah diberikan tanggungjawab tambahan oleh Negara, perlu disediakan dengan sumber kewangan tambahan bagi membolehkan ia menjalankan tanggungjawab untuk memenuhi fungsi-fungsi ini. Selain daripada fakta bahawa SUHAKAM kini harus memberi perhatian kepada isu-isu yang lebih luas dan kompleks di negara ini, berasaskan subseksyen 5(2) Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597), Kerajaan telah melantik Pesuruhjaya Kanak-kanak sejak April 2019 sebagai sebahagian daripada pembaharuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam melindungi hak kanak-kanak. Oleh yang demikian, Kerajaan seharusnya menyediakan segala sokongan yang diperlukan oleh SUHAKAM.

Dalam mempertingkatkan kebebasannya, SUHAKAM bekerjasama rapat dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri untuk meminda Akta SUHAKAM 1999, antaranya, pindaan peruntukan berkaitan kapasiti SUHAKAM sebagai NHRI yang bebas dan juga Laporan Tahunan SUHAKAM yang mana Seksyen 21 Akta SUHAKAM tidak secara khusus menyatakan bahawa Laporan Tahunan SUHAKAM perlu dibahaskan di Parlimen. SUHAKAM berpendapat bahawa amat penting untuk Ahli Parlimen membincangkan secara kritis, isu-isu hak asasi manusia yang melibatkan kepentingan awam di Malaysia dan mengesyorkan penyelesaian yang bersesuaian terhadap isu-isu ini, terutamanya setelah Putrajaya berikrar untuk mengutamakan hak asasi dalam permohonannya dan seterusnya mendapat pelantikan sebagai ahli kepada Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal 2022-2021.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**1 Disember 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*